

OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA DENGAN KERJASAMA IPD TRAFIK MELAKA TENGAH

22 Februari 2023, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan Operasi Bersepadu penguatkuasaan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 dengan kerjasama IPD Trafik Melaka Tengah pada 17 Februari 2023 bertempat di Lebuhraya Ayer Keroh. Sejumlah 525 buah kenderaan telah dijalankan pemeriksaan secara visual (dicatat), 26 buah kenderaan diperiksa dan diuji, 9 buah kenderaan telah dikenakan tindakan kompaun serta Notis Arahan telah dikeluarkan oleh Jabatan ini.

#KementerianSumberAsliAlamSekitardanPerubahanIklim

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka